

KEARIFAN TEMPATAN MASYARAKAT DUSUN DALAM PANTANG LARANG MEMASUKI KAWASAN HUTAN: ANALISIS DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

LOCAL WISDOM OF THE DUSUN SOCIETY IN TABOO ENTERING THE FOREST AREA: ISLAMIC LAW PERSPECTIVE

Mohammad Firdaus Hasmin ¹
Syamsul Azizul Marinsah ^{2*}

¹ Pelajar Pascasiswazah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Email: mu1921017t@student.ums.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Email: syamsulazizul@ums.edu.my

Article history

Received date : 20-6-2022

Revised date : 21-6-2022

Accepted date : 19-9-2022

Published date : 6-10-2022

To cite this document:

Hasmin, M. F., & Marinsah, S. A. (2022). Kearifan Tempatan Masyarakat Dusun Dalam Pantang Larang Memasuki Kawasan Hutan: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 309 - 323.

Abtrak: Setiap masyarakat di seantero dunia umumnya mempunyai amalan tradisi yang diwarisi daripada leluhur mereka, salah satunya adalah pantang larang. Pantang larang merupakan istilah yang selalu diguna pakai oleh para leluhur sebagai suatu bentuk peraturan lisan bagi mengawal, menjaga, dan memastikan kehidupan keluarga serta masyarakat sentiasa dalam keadaan yang aman, tenteram dan sejahtera. Sesebuah pantang larang, terbentuk hasil daripada pengalaman para leluhur sewaktu berinteraksi dengan alam sekitar, yang bersifat 'sebab' dan 'akibat' iaitu, 'jika melakukan ini dan itu akan terkena ini dan itu'. Oleh itu, setiap pantang larang yang dimiliki oleh sesebuah kaum seringkali diikuti dengan ancaman sekiranya pantang larang itu dilanggar akan ditimpa musibah dan nasib buruk. Justeru, kajian ini cuba untuk meneliti unsur kearifan tempatan (*al-hikmah*) yang terdapat dalam pantang-larang memasuki kawasan hutan masyarakat Dusun di Sabah. Kajian ini berbentuk kualitatif. Oleh itu, setiap data yang dibincangkan telah dikumpul melalui sesi temubual. Bagi menganalisis data tersebut, pengkaji telah merujuk dokumen yang berkaitan pantang larang, buku-buku saintifik yang berkaitan dan kitab-kitab agama bagi tujuan melihat dari perspektif hukum Islam. Hasil kajian ini mendapati, wujud unsur kearifan tempatan (*al-hikmah*) dalam kesemua pantang larang tersebut. Sebahagiannya didapati sejajar dengan dalil syarak, manakala sebahagian yang lain disokong oleh bukti saintifik. Oleh itu, pantang larang ini tidak harus diketepikan dan ianya boleh diamalkan.

Kata Kunci : Kearifan Tempatan, Pantang Larang, Dusun, Hukum Islam.

Abstract: Every society around the world generally has traditional practices inherited from its ancestors, one of which is taboo. Taboo is a term that the ancestors have always used as a form of oral rules to control, maintain, and ensure the life of the family and society is always in a state of peace, tranquility, and prosperity. A taboo, formed from the ancestors' experience while interacting with the environment, is 'cause' and 'consequence,' that is, 'if doing this and that will be affected by this and that.' Therefore, every taboo owned by a race is often followed by the threat that if the taboo is violated will be afflicted with misfortune and bad luck. Thus, this study attempts to examine the elements of local wisdom (*al-hikmah*) found in the ban on entering the forest area of the Dusun community in Sabah. This study is qualitative. Therefore, each of the data discussed was collected through an interview session. To analyze the data, the researcher has referred to documents related to taboos, relevant scientific books, and religious books to look from the perspective of Islamic law. This study found an element of local wisdom (*al-hikmah*) in all the taboos. Some are found to be in line with Islamic propositions, while others are supported by scientific evidence. Therefore, this taboo should not be set aside, and it can be practiced.

Keywords: Local Wisdom, Taboo, Dusun, Islamic Law.

Pengenalan

Masyarakat Dusun merupakan masyarakat majoriti di Sabah, yang tertumpu di kawasan pedalaman seperti di daerah Ranau, Tambunan dan Keningau. Berdasarkan cerita rakyat masyarakat Dusun, asal usul masyarakat ini dikatakan bermula di sebuah perkampungan yang bernama *Nunuk Ragang* di daerah Ranau (Low, 2005). Namun, disebabkan beberapa faktor seperti pertambahan jumlah penduduk, berlakunya penyakit berjangkit *Ragang Tie* (penyakit tahi berdarah) serta konflik yang menyebabkan peperangan di antara masyarakat Dusun *Nunuk Ragang* dengan masyarakat gua, akhirnya mereka memutuskan untuk berhijrah keluar ke tempat lain untuk memulakan kehidupan baharu (Sabah Edu, 2022). Perpindahan tersebut dilakukan dengan mengikuti aliran sungai *Liwagu* dan *Gelibang*, yang mengalir ke daerah Tambunan dan Keningau (Sabah Edu, 2022). Ekoran daripada peristiwa penghijrahan tersebut, pada hari ini masyarakat Dusun boleh didapati hampir di keseluruhan Negeri Sabah. Seperti yang dijelaskan oleh Mat Kib (2003), selain daripada Ranau, Tambunan dan Keningau, masyarakat Dusun turut boleh ditemui di kawasan pinggir Pantai Barat Sabah, seperti di daerah Kota Belud, Tamparuli, Tuaran, Menggatal, Penampang, Putatan, Papar, Beaufort, dan Menumbok (Mat Kib, 2003).

Pada hari ini, istilah Kadazandusun diguna pakai bagi merujuk masyarakat ini (Sintang, 2003). Namun sebelum ianya diguna pakai, pernah menjadi suatu polemik yang panjang di antara parti-parti politik Dusun, seperti *United Sabah National Organisation* (USNO), *United National Kadazan Organisation* (UNKO), *United Sabah Dusun Association* (USDA) bagi memilih salah satu istilah sama ada Dusun ataupun Kadazan bagi merujuk etnik itu (Daud, 1993). Polemik ini bermula sekitar tahun 1961, ketika UNKO baru ditubuhkan, Donald Stephen telah memperkenalkan istilah Kadazan dan mencadangkan agar ia diguna pakai untuk merujuk kedua-dua etnik iaitu Kadazan dan Dusun (Bagang, 2017). Cadangan tersebut telah mendapat pelbagai reaksi daripada masyarakat Dusun, kerana sudah terbiasa dengan panggilan Dusun sejak pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1882 lagi (Bagang, 2017). Berdasarkan istilah, 'Dusun' bermaksud kuno, tidak bertamadun, dan menggambarkan masyarakat yang hidup di kawasan pedalaman, serta menjalankan kegiatan ekonomi pertanian, bercucuk tanam dan menternak binatang (Sintang, 2003). Mereka juga

terdiri daripada orang-orang pagan (tiada pegangan agama yang membimbing mereka) dan Islam (Sintang, 2003). Sedangkan istilah 'Kadazan' merujuk masyarakat Dusun yang telah berhijrah ke kawasan Pantai Barat Sabah, beragama Kristian serta menjalankan aktiviti perdagangan (Mat Kib, 2003). Pendek kata, 'Kadazan' dilihat sebagai masyarakat Dusun yang lebih maju, lebih bertamadun, dan lebih berdaya saing berbanding 'Dusun'. Oleh sebab itu, bagi mengamankan polemik tersebut, akhirnya kedua-dua istilah dicantumkan menjadi 'Kadazandusun' bagi merujuk kedua-dua etnik (Sintang, 2003). Walaubagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan istilah Dusun, sebagai rujukan kepada masyarakat Dusun yang beragama Islam.


Sehubungan itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk temubual semi formal yang diadakan dengan beberapa orang informan yang menepati kriteria yang ditetapkan selama lima hari secara atas talian (bermula 23 November sehingga 27 November 2021). Antara kriteria yang ditetapkan, informan mestilah seorang yang berbangsa Dusun dan beragama Islam; berumur tidak kurang daripada 45 tahun, seorang kakitangan awam / swasta; pengusaha; pemegang sebarang jawatan di peringkat kampung (ketua kampung, ketua adat, ahli jawatankuasa kampung dan ahli rukun tetangga). Pengkaji memilih pendekatan semi formal dalam temubual bertujuan agar informan mudah untuk memahami soalan-soalan yang diajukan oleh pengkaji dan mereka diberikan kebebasan untuk menambah hujah, perincian dan penjelasan terhadap setiap soalan pengkaji (Weiss, 1995). Antara soalan yang diajukan seperti yang berikut;

- a. Apakah yang anda faham berkaitan pantang larang?
- b. Adakah anda mengetahui pantang larang masyarakat Dusun?
- c. Adakah anda mengamalkan salah satu daripadanya?
- d. Kenapa pantang larang tersebut perlu dipatuhi?
- e. Apakah akibat / kesan jika melanggar pantang tersebut?
- f. Adakah kesan buruk akibat melanggar pantang larang pernah berlaku kepada anda ataupun kepada keluarga anda? Sekiranya ada, apakah solusi / pendekatan yang diambil untuk merawatnya?

Sehubungan itu, dalam pendekatan kualitatif ini juga pengkaji turut merujuk beberapa dokumen yang diterbitkan seperti artikel jurnal, kitab-kitab agama Islam dan dokumen berkaitan budaya masyarakat Dusun di Sabah, bagi menyokong data-data temubual, dan menelitinya dari sudut fakta saintifik dan perspektif hukum Islam.

Definisi Kearifan Tempatan

Secara asasnya, istilah kearifan tempatan terbentuk hasil daripada cantuman dua patah perkataan dalam bahasa Inggeris, iaitu *local* dan juga *wisdom*. Dalam bahasa Inggeris, istilah *local* bermaksud *relating or restricted to particular area or one neighbourhood* (English Oxford Living, 2019). Jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, ia membawa maksud terhad kepada lokaliti yang tertentu atau pada kawasan keiranan yang tertentu (Yusri & Ramli, 2020). Perkataan yang kedua adalah *wisdom* yang bermaksud pemikiran yang berkualiti berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang pernah dialami (English Oxford Living, 2019). Menurut PRPM (2021) pula, *wisdom* adalah *experience of our elders* yang bermaksud kebijaksanaan dan pengalaman orang-orang tua kita. Menurut Ackoff (1989) dalam Rosele dan Ali (2019), *wisdom* berada di kedudukan yang paling tinggi dalam piramid pengetahuan. Seperti yang berikut:



Rajah 1: Kedudukan *wisdom* (kearifan) dalam piramid pengetahuan

Sumber : Rosele dan Ali (2019); Ackoff (1989).

Dalam bahasa Arab pula, kalimah *wisdom* (kearifan) ini disama ertikan dengan maksud *al-hikmah*, '*aql*, dan '*ilm* (Steingass English-Arabic Dictionary, 1882). Misalnya, Imam as-Suyuti menyamakan *al-hikmah* dengan falsafah, seperti *al-hikmah al-nazariyyah* (kearifan terhadap sesuatu yang tidak wujud) dan *al-hikmah al-amaliyyah* (kearifan terhadap sesuatu yang boleh diwujudkan dengan ikhtiar manusia) (as-Suyuti, 2004). Berdasarkan pengertian tersebut, ini menunjukkan bahawa kearifan boleh jadi adalah suatu pemikiran yang masih berada diperingkat teori ataupun sesuatu pemikiran yang sudah diamalkan oleh masyarakat. Jundiani (2018), kemudian menjelaskan bahawa kearifan tempatan adalah idea-idea yang wujud dalam kalangan masyarakat setempat, yang mengandungi ciri-ciri kebijaksanaan dan mendatangkan manfaat kepada pengamalannya.

Berdasarkan sarjana dalam kajian-kajian mereka pula, pengkaji mendapati terdapat pelbagai tafsiran yang diberikan untuk menjelaskan makna kearifan tempatan agar selari dengan konteks kajian mereka. Oleh sebab itulah, kadangkala takrifan kearifan tempatan yang diberikan oleh para sarjana menunjukkan perbezaan diantara satu dengan yang lain. Sebagai contoh, Saputra (2013) menjelaskan bahawa kearifan tempatan adalah kebijakan setempat yang dipenuhi dengan kebaikan, mendatangkan manfaat kemudian diamalkan dan diikuti oleh masyarakat setempat. Manakala Nunung dan Muslim (2016) pula menjelaskan bahawa kearifan tempatan itu adalah merupakan kepandaian, kebijakan dalam *problem solving* (penyelesaian masalah) yang terjadi di antara manusia sesama manusia dan juga permasalahan yang berlaku di antara manusia dengan alam sekitar. Manakala, Hasbullah (2012), menjelaskan kearifan tempatan adalah hal-hal yang praktikal, dan terbentuk daripada dua unsur yang berbeza iaitu amalan tradisi dan juga pegangan agama.

Selain daripada itu, menurut Afendi (2014) kearifan tempatan adalah kepandaian masyarakat setempat untuk berinteraksi dengan alam sekeliling dan kepandaian mereka dalam memilih budaya-budaya asing yang baik-baik sahaja untuk diamalkan. Menurut Flavier (2003), kearifan tempatan adalah ilmu yang diperolehi daripada pengalaman-pengalaman lalu, kemudian menjadi pertimbangan yakni memutuskan sesuatu berdasarkan pengalaman lalu, sama ada dalam aspek pertanian, penternakan, pemburuan, jual beli, pantang larang dan seumpamanya yang berkaitan dengan tingkah laku masyarakat setempat. Nyoman (2008), pula mendefinisikan kearifan tempatan adalah semua perkara yang berkaitan dengan amalan tradisi sesebuah kaum

mencakupi aktiviti sehari-hari, sumber makanan dan rekaan bentuk rumah. Menurut Seli (2015) pula, kearifan tempatan adalah bagaimana sesebuah kaum itu dapat memberikan tindak balas dengan berpandukan kepada akal terhadap satu-satu isu ataupun peristiwa yang berbangkit dalam komuniti mereka. Oleh itu jelas, setiap sarjana memberikan takrifan dan definisi yang berbeza-beza terhadap kearifan tempatan dalam kajian mereka. Ini menunjukkan bahawa makna kearifan tempatan sangat luas dan boleh digunapakai dalam pelbagai jenis reka bentuk kajian asalkan ia berkaitan dengan amalan masyarakat setempat .

Skop Perbincangan Kearifan Tempatan

Setakat kajian ini dibuat, telah banyak kajian berkonsepkan kearifan tempatan masyarakat setempat. Antaranya, dalam kajian Hendrawan (2016). Beliau telah mengkaji kearifan tempatan masyarakat Asia dalam aspek reka bentuk, arkitek dan desain rumah. Kajian serupa turut dilakukan oleh Fauzy (2012), yang meneliti unsur kearifan tempatan dalam reka bentuk, arkitek dan desain rumah masyarakat Bandung, Indonesia. Daripada ketiga-tiga kajian ini, jelas kearifan tempatan yang diketengahkan adalah reka bentuk (tujuan dan fungsi setiap bentuk rumah), menjelaskan kepercayaan yang terdapat disebalik reka bentuk, dan makna-makna tersirat setiap reka bentuk.

Selain itu, terdapat kajian yang mengkaji kearifan tempatan dari sudut pengamalan adat istiadat dalam kalangan masyarakat. Contohnya Marinsah et.al (2019), yang mengkaji kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Bajau di Sabah. Selain daripada itu, Nassir et.al (2017), mengkaji kearifan tempatan dalam kaedah perubatan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Murut Tahol di Sabah. Selain itu, kajian Remmy et.al (2017) pula, meneliti kearifan tempatan dalam aspek pertanian menanam padi yang diamalkan oleh masyarakat Iban di Sarawak.

Seterusnya, Mohd Zain et.al (2015) yang mengkaji kearifan tempatan masyarakat nelayan di negeri Pahang melalui teknik dan kaedah penangkapan ikan yang diwarisi daripada datuk nenek moyang mereka. Perkara ini juga turut dapat disaksikan dalam kajian Safa'at et.al (2016). Beliau mengkaji kearifan tempatan dalam sesuatu perancangan seperti perancangan lokasi untuk mendirikan sesebuah bangunan (menilai adakah tempat tersebut sesuai untuk didirikan bangunan), dan kearifan tempatan yang dimiliki oleh anggota tentera sewaktu berada di dalam hutan.

Berdasarkan skop perbincangan kearifan tempatan dalam kalangan sarjana di atas, jelas menunjukkan, kearifan tempatan adalah sesuatu perbincangan yang sangat luas. Ianya boleh dikaitkan dengan setiap tindakan manusia yang mempunyai unsur kebijaksanaan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kearifan tempatan adalah merupakan idea-idea, pemikiran, falsafah, serta interaksi manusia dengan manusia dan interaksi manusia dengan alam, gagasan ilmu yang lahir dari pengalaman-pengalaman lampau, kepercayaan, nilai-nilai kerohanian, tabiat dan tingkah laku masyarakat yang mempunyai unsur kebijaksanaan.

Pemposisian Kearifan Tempatan Sebagai *Al-Urf* Dalam Hukum Syarak

Pada umumnya, *al-Urf* merujuk kepada perkara-perkara yang diyakini, dan dibenarkan oleh akal, diterima pakai sebagai satu kebiasaan dalam kebanyakan orang (al-Jurjani, t.t). Berdasarkan *Mu'jam al-Lughah al-Fuqaha*, *al-urf* adalah kebiasaan kebanyakan orang dalam sesebuah kaum sama ada dalam aspek perbuatan mahupun percakapannya (Qal'aji, 1988). Manakala menurut az-Zuhayli (2010) menjelaskan *al-urf* sebagai kebiasaan manusia, sehingga kebiasaan tersebut menyebar dan difahami pada perbuatan dan lafaz dengan suatu makna khas

yang berbeza dengan makna yang lazim difahami. Berdasarkan kepada pemaknaan *al-urf* tersebut, kearifan tempatan tidak dapat disama ertikan dengan *al-urf*. Kerana pada peringkat minoriti kearifan tempatan masih boleh dianggap sebagai suatu kearifan.

Namun demikian, sekiranya kearifan tempatan dilihat dari sudut *al-hikmah* suatu kebijaksanaan yang dimiliki, maka ia perlu dinilai dari sudut yang berlainan. Allah s.w.t kerap menggunakan kalimah *al-hikmah* di dalam al-Quran. Sebagai contoh dalam surah al-Baqarah yang bermaksud *“Allah memberikan Hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikiranNya”*.

Unsur kearifan tempatan juga wujud di dalam sirah-sirah Nabi. Contohnya dalam peristiwa peperangan khandaq. Seorang sahabat Nabi Muhammad s.a.w yang bernama Salman al-Farisi telah memberi cadangan kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk mengorek lubang parit yang dalam dan panjangnya sepanjang kawasan peperangan (asy-Syarqawi dan Baihaqi, 2021). Perkara ini diangkat sebagai satu kearifan tempatan kerana ia merupakan strategi peperangan yang dipraktikkan oleh tentera Parsi khususnya dalam strategi melawan tentera-tentera berkuda (Rosele & Ali, 2019).

Oleh yang demikian, secara ringkasnya kearifan tempatan tidak boleh di sama ertikan dengan *al-Urf*, kerana *al-Urf* diambil kira daripada amalan majoriti, sedangkan kearifan tempatan boleh diambil daripada amalan minoriti. Namun, kewujudan kearifan tempatan dalam agama Islam tidak boleh dinafikan, kerana ia boleh di dapati dalam sirah nabi seperti yang telah dijelaskan contohnya di atas. Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa kearifan tempatan hendaklah dilihat dari sudut *al-hikmah* kebijaksanaan yang dimiliki masyarakat setempat, yang berselari dan tidak terkeluar daripada hukum hakam agama Islam.

Pantang Larang Masyarakat Dusun Ketika Memasuki Kawasan Hutan

Kamus Dewan (1992) mendefinisikan pantang sebagai larangan untuk melakukan satu-satu tindakan berdasarkan kepada adat dan kepercayaan. Manakala larang, diterjemahkan sebagai menahan diri daripada melakukan sesuatu yang tidak dibenarkan. Menurut Hamid (1991), pantang larang adalah inisiatif masyarakat tempatan untuk menjaga diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat kampung daripada melakukan sesuatu perbuatan atau tindakan yang dilarang dengan mendatangkan pelbagai ancaman berupa “jika melakukan ini dan itu akan terkena ini dan itu”. Pendapat yang sama turut diberikan oleh Dakir dan Awang (2010). Menurut mereka, pantang larang adalah semua perbuatan yang dilarang dalam adat dan disertai dengan ancaman, denda yang berat, terkena penyakit, kesialan, bala dan seumpamanya.

Sehubungan itu, berikut merupakan beberapa pantang larang memasuki kawasan hutan dalam kalangan masyarakat Dusun Islam di Sabah.

- a. Dilarang ketawa terbahak-bahak dalam kawasan hutan, kerana akan mengganggu makhluk halus dikawasan tersebut. Akibatnya akan mendapat musibah yang tidak disangka-sangka. (Kabius Muji, 2021)
- b. Dilarang memasuki kawasan hutan ketika hujan panas, kerana akan menyebabkan keteguran. Akibatnya individu akan sakit demam panas (Rohana, 2021).
- c. Dilarang bercakap sombong ketika di dalam hutan, kerana makhluk halus akan tersinggung dengan perkataan tersebut. Akibatnya akan mendapat musibah yang tidak disangka-sangka (Julie, 2021)

- d. Dilarang kencing di tanah berlubang, kerana itu rumah bagi makhluk halus. Akibatnya akan terkena penyakit kelamin (Jasrin, 2021).
- e. Perempuan mengandung dilarang memasuki hutan, dikhuatiri bayi dalam kandungan akan terkenan haiwan. Akibatnya bayi akan cacat (Elin, 2021).

Analisis Pantang Larang Memasuki Hutan Masyarakat Dusun Dari Perspektif Hukum Islam

a. Dilarang Ketawa Terbahak-Bahak Dalam Kawasan Hutan, Kerana Dipercayai Akan Mengganggu Makhluk Halus Di Kawasan Tersebut. (Kabius Muji, 2021)

Pada dasarnya, pantang larang bukanlah suatu amalan yang boleh ditolak tanpa usul periksa terlebih dahulu. Penilai perlu melihatnya dari pelbagai perspektif. Misalnya Dakir dan Awang (2010) menjelaskan, pantang larang yang boleh membawa kepada kebaikan dan berupaya untuk mendisiplinkan seseorang supaya hidup lebih beradab dan mematuhi peraturan adalah amat digalakkan dan sejajar dengan kehendak Islam iaitu membentuk akhlak yang terpuji.

Dalam pantang larang tersebut ia melarang seseorang untuk ketawa terbahak-bahak ketika berada di dalam hutan, kerana dikhuatiri tindakan tersebut akan mengganggu makhluk halus di sana. Asasnya, agama Islam tidak melarang seseorang untuk ketawa, berhibur dan bergurau. Bahkan Nabi Muhammad s.a.w juga seorang peramah dan murah dengan senyuman apabila bersama ahli keluarga dan juga para sahabatnya (al-Ghazali, 2016). Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumudin*, beliau membahagikan dua keadaan bergelak-tawa. Pertama, ia boleh menjadi tercela apabila dilakukan secara terus menerus dan melampaui batas. Menurut beliau, tindakan itu akan menyebabkan manusia sibuk mentertawai sesuatu yang dianggap seronok dan lucu sehingga menyakiti perasaan seseorang dan mencuaikan perkara *fardhu*. Manakala yang kedua, ia adalah sesuatu yang harus apabila bertujuan untuk menghibur hati seseorang yang sedang berduka-cita, gunda-gulana ataupun untuk menghilangkan rasa sunyi asalkan tidak melampaui batas-batasnya.

Menurut Majid et.al (2004), batasan yang perlu diperhatikan oleh seseorang muslim ketika bergelak-tawa ataupun bergurau-senda adalah; tidak ketawa sehingga mengucapkan kata-kata yang dusta; tidak ketawa dengan suara yang keras ataupun lantang; tidak ketawa dengan berbisik-bisik (tersengih) dengan niat untuk mengguris perasaan seseorang; tidak ketawa dengan membelakangi orang; tidak ketawa secara tiba-tiba, tidak ketawa ketika sedang makan; tidak ketawa di hadapan orang yang sedang sakit; tidak meniru-niru gaya orang ketawa; tidak mentertawai kelemahan orang lain dan tidak mentertawai orang tua. Maka jelas, ketawa dengan suara yang keras (terbahak-bahak) termasuk dalam batasan yang perlu dijaga oleh seorang muslim.

Tambahan pula, agama Islam sangat menitik beratkan penjagaan adab sebagai seorang muslim. Pantang larang tersebut, jelas menyeruh agar muslim menjaga adab tatkala memasuki tempat atau kawasan yang asing agar tidak menyaikiti dan mengganggu makhluk halus di sana. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari bermaksud “*seorang muslim itu adalah mereka yang membuatkan muslim yang lain selamat dari kejahatan lidahnya dan juga tangannya*”. Imam Ibn Battal dalam kitab *Syarah Sahih al-Bukhari* menerangkan makna dari hadith tersebut adalah tuntutan agar setiap muslim meninggalkan segala perbuatan yang berpotensi untuk menyakiti saudara muslim yang lain sama ada dari percakapan mahupun perbuatannya.

Saudara muslim termasuk dalam kalangan jin. Berdasarkan kepada dalil, dalam surah al-Jin ayat 14 yang bermaksud “... dan sesungguhnya di selang kami mempunyai jin-jin yang taat (muslim) dan mempunyai jin-jin yang menyimpang (kafir)”. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi yang bermaksud “*janganlah kamu beristinja’ dengan tahi binatang dan juga tulang, kerana kedua-duanya adalah makanan bagi saudara-saudara kamu dari kalangan jin (muslim)*”. (Isnad bagi hadith ini adalah sahih, boleh rujuk dalam kitab *Naitul Authar* jilid 1 halaman 97). Hadith tersebut menunjukkan adanya jin yang beragama Islam.

Oleh yang berikut, umat Islam dilarang melakukan perkara yang boleh menyebabkan perasaan saudara semasa muslim terluka ataupun tersinggung. Sebagai contoh, ketawa terbahak-bahak di tempat asing berpotensi menyebabkan penduduknya tersinggung kerana tidak menghormati mereka sebagai penduduk di situ. Sebaliknya, tunjukkanlah dan pamerkanlah akhlak yang terpuji sebagaimana akhlak junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Hakikatnya, ketawa terbahak-bahak di dalam hutan akan mengundang musibah dan berbahaya kepada seseorang. Ini kerana, berbuat bising di dalam hutan justeru akan meningkatkan risiko diserang oleh binatang buas yang berkeliaran di kawasan hutan, seperti kera liar, harimau dan juga babi hutan. Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan bahawa pantang larang yang melarang ketawa terbahak-bahak di kawasan hutan adalah suatu kearifan tempatan yang dimiliki oleh masyarakat Dusun dan harus (*urf-sahih*) untuk diamalkan.

b. Dilarang Memasuki Kawasan Hutan Ketika Hujan Panas, Kerana Akan Menyebabkan Keteguran. Akibatnya Individu Akan Sakit Demam Panas (Rohana, 2021).

Hujan merupakan anugerah yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada makhluknya yang hidup di atas muka bumi. Dalam surah Taha ayat 53, Allah s.w.t berfirman, “...dan yang menurunkan air (hujan) dari langit. Kemudian Kami tumbuhkan dengannya (air hujan itu) berjenis-jenis aneka macam tumbuh-tumbuhan”. Imam Ibnu Kathir dalam Kitab Tafsir Ibnu Kathir (1986), menafsirkan ayat tersebut, “*hujan sebagai rahmat daripada Allah s.w.t yang darinya dihidupkan tetumbuhan berupa tanaman dan buah-buahan, dengan pelbagai rasa dan pelbagai jenis hasil daripada tanam-tanaman itu*”. Dalam surah al-Syura ayat 28 bermaksud “*Dan Dialah yang menurunkan hujan setelah mereka berputus asa dan Dia pula menyebarkan rahmat-Nya merata-rata. Dan ingatlah, bahawa Dialah pengawal (yang melimpahkan ihsanNya), lagi Maha Terpuji*”.

Walaupun bagaimanapun, dalam kitab Fathul Bari (jilid 1, halaman 189), Imam Ibn Uyainah menyatakan Allah s.w.t menggunakan kalimat hujan dalam dua keadaan. Pertama الغيث, digunakan dalam konteks rahmat. Kedua المطر, digunakan dalam konteks azab. Contoh hujan sebagai azab boleh dirujuk dalam surah al-A’raf ayat 84, bermaksud “*Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Demikian itu, lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan*”. Oleh sebab itu, dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari menjelaskan doa ketika hujan turun yang dibaca oleh Nabi Muhammad s.a.w bermaksud “*Ya Allah, Kau jadikanlah curahan hujan ini sebagai curahan yang bermanfaat*”. Imam Ibn Hajar al-Asqalani dalam kitab Fathul Bari (jilid 2, halaman 518) menjelaskan hukum sunat membaca doa tersebut ketika hujan turun untuk memohon keberkatan dan menolak kemudharatannya.

Berbalik kepada pantang larang tersebut, menurut H. Lieth & M.J.A Werger (2009), hujan panas menurut istilah saintifik adalah *Zenithal Phenomenon*. Menurut beliau, *Zenithal Phenomenon* adalah titisan air hujan yang turun secara abnormal (bukan waktu kebiasaan hujan turun). Seorang pengamal perubatan Dr. Erna Nadia menjelaskan dalam Majalahpama.my (2022) bahawa, seseorang yang berimun rendah (kurang sehat, ibu mengandung, warga emas, individu yang baharu selesai menjalani pembedahan dan penghidap penyakit kronik) dinasihati agar tidak terlalu terdedah dengan fenomena hujan panas ini.

Menurut Wark & Warner (1981), pencemaran atmosfera atau udara berlaku apabila terdapat kehadiran satu atau lebih bahan cemar terampai di atmosfera dengan kuantiti dan jangka masa yang boleh menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan manusia, tumbuhan, haiwan dan harta benda. Seperti gas Plumbum (Pb) dan Benzene (C₆H₆) yang dilepaskan oleh kenderaan bermotor (Sulaiman, 2015).

Justeru, mengambil pandangan sarjana dalam bidang tersebut, hujan panas adalah air hujan yang turun tatkala cuaca persekitaran sedang panas dan kering. Ini menyebabkan titisan air hujan tersebut terdedah dengan udara persekitaran yang kering dan tercemar. Keadaan ini meningkatkan risiko berlaku pencemaran air hujan, justeru akan meningkatkan risiko jangkitan virus kepada manusia terutama kepada individu yang sedang berimun rendah. Sehubungan itu, pengkaji berpandangan bahawa dari sudut saintifik pantang larang ini mempunyai manfaat dan tidak harus untuk diketepikan.

Namun, kepercayaan ditegur oleh makhluk halus sehingga menyebabkan demam panas adalah tidak benar. Ia berkaitan dengan kepercayaan bahawa makhluk boleh menyebabkan mudharat. Pada asasnya, makhluk tidak berkuasa mendatangkan mudharat kepada makhluk. Allah s.w.t berfirman dalam surah Yunus ayat 49, bermaksud "*Katakanlah (Muhammad), aku tidak kuasa menolak mudharat mahupun mendatangkan manfaat pada diriku, kecuali apa yang Allah kehendaki...*". Imam Fakhruddin al-Razi dalam Tafsir al-Fakhr al-Razi (1981), menjelaskan bahawa segala kebaikan, dan keburukan, yang menimpa diri seseorang atas kehendak Allah s.w.t, dan tidak ada makhluk yang mencampuri urusan demikian.

Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan pantang larang ini harus untuk diamalkan oleh masyarakat Dusun Islam. Dengan syarat, tidak melibatkan kepercayaan makhluk halus berkuasa menyebabkan individu terkena demam panas.

c. Dilarang Bercakap Sombong Ketika Di Dalam Hutan, Kerana Makhluk Halus Akan Tersinggung Dengan Perkataan Tersebut. Akibatnya Akan Mendapat Musibah Yang Tidak Disangka-Sangka (Julie, 2021).

Menurut PRPM (2021), sombong adalah sikap tinggi diri, angkuh, bongkak, congak, dan pongah. Agama Islam mencela individu yang bersikap sombong. Berdasarkan surah Luqman ayat 18 bermaksud "*dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri*". Dalam surah al-Isra' ayat 37, bermaksud "*dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi, dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang*". Imam Ibnu Kathir dalam Kitab Tafsir Ibnu Kathir (1986) mentafsirkan ayat tersebut "*dengan langkahmu yang angkuh dan sifatmu yang kau tinggikan tidak akan menyamai tinggi-tinggi gunung. Sedangkan orang-orang yang begitu akan rugi dan mendapat balasan yang buruk*". Maka jelas, sifat sombong dibenci di sisi syarak.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Nabi Muhammad s.a.w yang bermaksud “*tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya ada sebesar zarahpun sifat sombong*”, seorang sahabat bertanya, “*sesungguhnya ada orang yang gemar pakai pakaian dan kasut yang elok*”, Nabi Muhammad s.a.w menjawab, “*sesungguhnya Allah s.w.t itu cantik, dan mencintai kecantikan, sombong itu adalah menolak kebenaran dan merendahkan manusia*”. Dalam hadits tersebut, Nabi Muhammad s.a.w menjelaskan dua makna sombong. Pertama, menolak kebenaran dan kedua merendahkan orang lain. Dalam kitab *Syar A'lam al-Nubula* (jilid 8, halaman 407), Abu Wahb al-Marwazi bertanya kepada Ibn al-Mubarak berkaitan sombong. Beliau berkata, “*sombong apabila engkau menghina orang lain*”. Kesan daripada sifat sombong ini akan mengakibatkan kehidupan kekeluargaan, kejiranan, hubungan sesama sahabat, suasana dalam pekerjaan bertukar menjadi tidak harmoni. Sedangkan ia mencetuskan bibit-bibit permusuhan, dendam, saling jatuh menjatuhkan, memecah belahkan perpaduan dan seumpamanya. Oleh sebab itulah, pengkaji berpandangan pantang larang ini baik dan wajib untuk diamalkan oleh masyarakat Dusun.

Namun kepercayaan mendapat musibah secara tiba-tiba perlu dihapus. Ini kerana, hanya Allah s.w.t sahaja yang berkuasa untuk mendatangkan sebarang mudharat dan kebaikan kepada setiap hambaNya. Berdasarkan dalil, surah Yunus ayat 107 bermaksud, “*Dan jika Allah menimpakan suatu bencana padamu, maka tidak ada yang dapat menghilangkannya kecuali Dia. Dan jika Allah menghendaki kebaikan bagimu, maka tidak ada yang dapat menolak kurniaanNya*”. Imam Ibnu Kathir dalam kitab Tafsir Ibnu Kathir (1986), menjelaskan, segala kebaikan mahupun mudharat semuanya urusan Allah s.w.t, tidak ada makhluk yang mencampuri urusanNya itu.

d. Dilarang Kencing Di Tanah Berlubang, Kerana Itu Rumah Bagi Makhluk Halus. Akibatnya Akan Terkena Penyakit Kelamin (Jasrin, 2021).

Pantang larang ini, mempunyai asas dalam agama Islam. Dalam kitab *at-Tarhib wa at-Tarhib* karangan al-Imam Abdul Azeem al-Manzari (2016), terdapat sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud “*...bahawasanya Rasulullah s.a.w melarang kencing di lubang. Mereka bertanya kepada Qatadah, “Apa yang membuat kencing di lubang dilarang?” “Dia menjawab, ia adalah tempat tinggal bagi jin*”. Menurut Imam asy-Syaukani dalam kitab *Nailul al-Authar* (2018), menjelaskan hadits tersebut membawa hukum makruh kencing dilubang tanah.

Dalam kitab *al-Mausu'atul Fiqhiyah* (1973) menjelaskan bahawa “*dimakruhkan kencing di dalam lubang-lubang pada tanah. Ialah pandangan sepakat daripada mazhab yang empat. Imam an-Nawawi kemudian berkata: ini telah secepat atasnya dan makruh disini adalah makruh tanzih*”. Menurut Hermawan (2019) dalam bukunya *Ushul Fiqh Kajian Hukum Islam* menjelaskan “*makruh adalah perkara yang mubghadh iaitu dibenci*”. Manakala menurut Muzadi (2017) dalam bukunya *al-Hikam* menjelaskan “*makruh tanzih adalah makruh yang ringan selepas makruh tahrim, perbuatan makruh tanzih tidak membawa kepada haram walaupun ia dilakukan secara berterusan, namun kedua-duanya perlu dijauhi, agar kita terlepas daripada melakukan perbuatan yang dibenci oleh Allah s.w.t*”.

Sungguhpun begitu, berkata Imam as-Syeikh Bujairimi dalam kitab *Fiqh Hasyiah al-Bujairimi 'ala al-Khatib* (1996), tindakan seseorang yang kencing di kawasan tanah yang berlubang boleh bertukar haram jika yang kencing itu meyakini di dalam lubang itu tinggal haiwan-haiwan yang dihormati syarak seperti labah-labah, sebagaimana yang berikut “*yang zahirnya adalah haram*

kencing di dalam lubang jika orang yang kencing itu mengetahui bahawa akan tersakiti haiwan yang dihormati syarak dengan sebab kencingnya atau binasa haiwan itu”.

Berdasarkan penjelasan tersebut, Islam melarang kencing di tanah yang berlubang kerana, dikhuatiri jin tinggal di situ (sekiranya jin Islam, maka menyakiti saudara semasa Islam adalah dilarang) dan dikhuatiri haiwan tinggal di situ (sekiranya haiwan yang dihormati syarak, maka menyakitinya juga dilarang). Oleh yang demikian, pantang larang ini sunat untuk diamalkan, manakala melanggarnya membawa hukum makruh. Namun, kepercayaan akan terkena penyakit kelamin adalah tidak benar sama sekali. Ini kerana, pengkaji tidak menemui sebarang bukti saintifik yang menyatakan salah satu faktor penyebab penyakit kelamin adalah kencing di tanah berlubang.

e. Perempuan Mengandung Dilarang Memasuki Hutan, Dikhuatiri Bayi Dalam Kandungan Akan Terkenan Haiwan. Akibatnya Bayi Akan Cacat (Elin Osie, 2021).

Hutan adalah tempat yang paling tidak sesuai dimasuki oleh wanita mengandung, kerana dipenuhi oleh belukar, semak samun, tanah curam dan licin, batu-batu berlumut yang licin, akar-akar kayu yang besar, melingkar dan memenuhi permukaan tanah, ranting pokok yang tajam dan runcing, haiwan berbisa, nyamuk, dan seumpamanya. Keadaan geografi sebegini sangat tidak sesuai dan membahayakan nyawa ibu dan anak yang dikandung.

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (2021) menjelaskan wanita mengandung berisiko tinggi untuk terkena serangan darah tinggi terutamanya apabila kandungan telah mencapai usia lebih daripada 20 minggu. Ini berlaku kerana, organ jantung wanita yang sedang mengandung lebih 20 minggu terpaksa berkerja keras untuk mengepam, membekalkan darah kepada dua tubuh sekaligus. Maka mereka dinasihati, untuk mengurangkan aktiviti lasak, dan stress fizikal yang berlebihan.

Berdasarkan penjelasan dan nasihat pihak KKM (2021) tersebut, maka wajar wanita mengandung dilarang memasuki kawasan hutan. Justeru, sekiranya pantang larang ini diamalkan bertujuan menjaga keselamatan wanita, maka ia harus untuk diamalkan.

Sejajar dengan itu, *kenan* adalah istilah Melayu untuk menggambarkan keadaan bayi yang tidak sempurna dan biasanya dikaitkan dengan karakter dan fizikal binatang tertentu seperti monyet, katak ular dan sebagainya (Marinsah dan Ramli, 2015). Kasimin (1995) menjelaskan, *kenan* adalah kecelakaan sama ada merupakan penyakit atau kecacatan yang dialami oleh bayi yang baru dilahirkan akibat melanggar pantang, yang dilakukan ibu atau bapa ketika bayi masih dalam kandungan. Berdasarkan konteks pantang larang masyarakat Dusun ini, bayi dalam kandungan akan terkenan apabila ibu melanggar pantang memasuki hutan.

Dalam satu kajian yang ditulis oleh Anuar Ramli & Syamsul Azizul (2015), berkaitan kepercayaan *kenan* dalam masyarakat Melayu. Berdasarkan hujah yang dikemukakan mereka *kenan* dilihat sebagai suatu perkara yang bertentangan dengan agama Islam. Antaranya; percaya kepada *kenan* termasuk dalam kesyirikan, iaitu mempercayai di dalam hati terdapat suatu kuasa selain daripada Allah s.w.t yang berkuasa untuk menentukan baik atau buruknya kejadian seseorang. Selain daripada itu, *kenan* termasuk dalam kepercayaan sial majal iaitu meramalkan suatu bala akan datang daripada makhluk sedangkan makhluk tidak sedikitpun mempunyai kuasa untuk mendatangkan bala. Oleh itu, mereka merumuskan kepercayaan *kenan* adalah *urf fasid* kerana mengandungi unsur syirik kepada Allah s.w.t dan bercanggah dengan konsep asas agama Islam iaitu seorang anak tidak akan menanggung akibat dosa ibunya kerana melanggar

pantang. Dalam surah al-An'am ayat 164 bermaksud "*dan tiadalah kejahatan yang diusahakan oleh tiap-tiap seseorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggungnya dosanya...*". Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan bahawa pantang larang ini baik, dan harus untuk diamalkan oleh masyarakat Dusun Islam. Dengan syarat tidak melibatkan kepercayaan kenan kerana bercanggah dengan syarak (Anuar Ramli & Syamsul Azizul, 2015).

Rumusan Analisis Hukum

Setelah membuat penelitian, berikut merupakan rumusan pengkaji terhadap hukum mengamalkan pantang larang yang disebutkan. Boleh dirujuk dalam jadual berikut;

Jadual 1: Rumusan Analisis Hukum Islam Pantang Larang Masyarakat Dusun Islam.

Bil	Pantang Larang	Hukum	Penjelasan
1	Larangan ketawa terbahak-bahak di dalam hutan.	Harus	a. Sesuai dengan suruhan mengaja adab, akhlak, dan tingkah laku agar tidak menyakiti atau menyinggung perasaan sesama muslim. b. Sesuai dengan batas-batas ketawa, dalam adab seorang muslim dalam Imam al-Ghazali (2016) dan Abdul Majid et.al (2004)
2	Larangan memasuki hutan ketika hujan panas	Harus	a. Sesuai dengan nasihat ahli perubatan agar individu yang berimun rendah tidak terdedah dengan cuaca hujan panas. b. Sesuai dengan penjelasan ahli dalam ilmu sains yang menjelaskan hujan yang turun ketika matahari terik terdedah dengan persekitaran udara kering dan dicemari oleh zat kimia berbahaya yang terampai di udara.
3	Larangan bercakap sombong ketika di dalam hutan	Wajib	a. Sesuai dengan perintah Allah s.w.t di dalam al-Quran. b. Allah s.w.t melarang dan diselangi dengan ancaman neraka. c. Sesuai dengan hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w. P/s: Bukan sahaja di dalam hutan, larangan bersikap sombong terpakai di semua tempat dan semua keadaan.
4	Larangan kencing di tanah yang berlubang	Makruh / Haram	a. Sesuai dengan pandangan imam empat mazhab sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam an-Nawawi dalam <i>al-Mausu'atul Fiqhhiyah</i> (1973). b. Haram sekiranya kencing di tanah yang berlubang dengan keyakinan bahawa haiwan yang dihormati syarak tinggal di situ.
5	Larangan perempuan mengandung memasuki kawasan hutan	Harus	a. Sesuai dengan nasihat pihak KKM (2021).

Sumber: Data kajian yang dianalisis.

Kesimpulan

Islam merupakan agama yang *syumul* dalam memberi panduan yang lengkap kepada manusia. Bermula daripada bangun tidur, sehinggalah ia tidur kembali. Agama Islam telah menyusunnya dengan kemas agar setiap tindakan seorang muslim bernilai ibadah di sisi Allah s.w.t. Bagi mencapai tujuan tersebut, setiap amalan yang diwarisi daripada datuk nenek moyang seperti pantang larang perlu dinilai semula daripada perspektif hukum Islam. Penilaian ini bukanlah bertujuan untuk melenyapkannya, tetapi untuk memastikan ia tidak bertentangan dengan syariat Allah s.w.t.

Walhasil, pantang larang masyarakat Dusun ketika memasuki kawasan hutan, terbukti mengandungi banyak hikmah, kebijaksanaan dan manfaat. Ini menunjukkan, datuk nenek moyang masyarakat Dusun tidak mencipta pantang larang tersebut dengan hawa nafsu atau sesuka hati mereka. Tetapi berpandukan kepada pengalaman hidup dan kebijaksanaan mereka pada ketika itu. Oleh sebab itu, pantang larang tidak boleh diketepikan begitu sahaja, tetapi perlu dianalisis untuk mencari kebaikan, manfaat dan kebijaksanaan yang terkandung di dalamnya dengan berpandukan kepada al-Quran dan al-Hadith, serta bukti-bukti saintifik daripada pelbagai cabang ilmu.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2019/SSI03/UMS/02/1) yang telah membiayai penyelidikan ini

Rujukan

- Ackoff, R.L. (1989). *From data to Wisdom. Jurnal of Applied Systems Analysis*.
- Afendi, A . (2014). Implementasi Kearifan Budaya Lokal pada Masyarakat Adat Kampung Kuta Sebagai Sumber Pembelajaran IPS. *Sosio Didaktika*.
- al-Ghazali. (2016). *Ihya Ulumuddin*. Penerbit: BukuBuku. Perak Darul Ridzwan.
- al-Manzari, A.A. (2016). *at-tarhib wa at-Tarhib* (versi dalam bahasa Indonesia). Dar' al-Haq.
- Al-Suyuti. (2004). *Mu'jam Maqalid al-Ulum fi al-Hudud wa al-Rusum*. Qahirah: Maktabah al-Adab.
- al-Zuhayli, W.. (2010). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimashq: Dar, al-Fikr.
- asy-Syaukani (2018). *Nailul al-Authar*. al-Qowam.
- asy-Syarqawi, A., & Baihaqi (2021). Perang Khandaq dan Pengkhianatan Bani Quraizhah: *Seri Muhammad teladan Kebenaran*. Hikam Pustaka.
- Awasyasyah, Audah, H., Jazri, al-Atsir, I., Farida., Umma, Mishri, Al, M.S., Wasarh, Ghimanul, Kasdi, & Abdurrahman. (1973). *al-Mausu'atul Fiqhiyyah*. Dar al-Hazm.
- Bagang, T.P. (2017). Polemik Identiti Dalam Kalangan Pribumi Sabah: Antara Kadazandusun Murut (KDM) Atau Momogun. *Konferens Paper*. UITM Sabah Bujairimi. (1996). *Hasyiah al-Bujairimi 'ala al Khatib*. Beirut: Lebanon, Dar'al Kutub al-Ilmiyah.
- Dakir, J & Wan Ali, W.A. (2010). *Sunnah dan Bidaah dalam amalan orang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fauzy, B. (2012). Konsep Kearifan Lokal dalam Arsitektur Rumah Tinggal Masyarakat Kota Pesisir Utara Jawa Kasus Studi: Arsitektur Rumah Tinggal di Kampung Sumber Girang-Lasem." *Research Report-Engineering Science*.
- Hamid, I. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Malaysia.

- Hasbullah, H. (2012). Rewang: Kearifan Lokal dalam Membangun Solidaritas dan Integrasi Sosial Masyarakat Desa Bukit Batu Kabupaten bengkalis. *Jurnal Sosio Budaya*.
- Hermawan, S.A. (2019). *Ushul Fiqh Kajian Hukum Islam*. Hidayatul Quran.
- Ibnu Kathir. (1986). *Tafsir Ibnu Kathir*. Al-Imam Abu Fida Isma'il Ibnu Katsir, ad Dimasyqi. Beirut; Daral-Fikr.
- Jundiani. (2018). Local Wisdom in the Environmental Protection and Management. Dalam *IOP Conf. Series: Earth and Environmental Science* 175. UK: IOP Publisihing.
- Kasimin, A. (1995). *Penjagaan Bayi dan Ibu dalam Pantang*. Kuala Lumpur. Dinie Publisher.
- KKM. (2021). *Tekanan Darah Tinggi / Hipertensi*. <http://www.myhealth.gov.my/tekanan-darah-tinggi-hipertensi/>. Dilayari 22/5/2022
- Lieth. H & Werger M.J.A. (2009). *Tropical Rainforest Ecosystem*. Biogeographical and Ecological Studies.
- Low, K.N. (2005). *Membaca Mitos dan Lagenda Kadazandusun*. (Thesis P.h.d). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majid, A. (2004). *Tertawa yang Disukai Tertawa ynag Dibenci Allah*. Gema Insani.
- Mat Kib, M.Z. (2003). *Kristian di Sabah 1881-1994*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Mohd Zain, A.Z., Mohamed, B., & Abdullah, S.N. (2015). Nelayan dan Penangkapan hasil Laut: Satu Teknik Kearifan Tempatan di Beserah, Pahang." dalam: Nazarudin Zainon (ed.), *Antropologi dan Sejarah dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Muzadi. (2017). *al-Hikam*. Tangerang: Tira Smart.
- Nadia, E. (2022). *Majalahpama.my: Dulu-dulu Tak Apa, Sekarang Anak kena Hujan Je Terus Demam, Doktor Jelaskan Sebabnya!*.
- Nassir, N., Low, K.N., Ibrahim, I., & Hussin, S. (2017). Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah. *Kemanusiaan*.
- Qal'aji, M.R. (1988). *Mu'jam Luughah al-Fuqaha*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- Ramli, M.A., & Marinsah, S.A. (2015). Kepercayaan Kenan dalam Masyarakat Melayu Islam: kajian dari Perspektif Hukum Islam. *Man and Society*. Universiti Malaya.
- Rosele, M.I & Ali, A.K. (2019). Konsep Kearifan Tempatan Menurut perspektif hukum Islam. *Jurnal Fiqh*.
- Sabah Edu. (2022). *Agama dan Kepercayaan Nunuk Ragang*. http://www.sabah.edu.my/itls07013/agamadankepercayaan_nunukragang.html. Dilayari 11 April 2022.
- Safa'at, R., Fadli, M., Nurjaya, I.N., & Nazaruddin. (2016). The Spatial Planning Based on Local Wisdom of the Customary Legal Community In Aceh. *Journal of Law, Policy and Globalization*.
- Saputra, G.A.S. (2013). Enhacing Local Wisdom Through Local Content Of Elementary School In Java, Indonesia. *Proceeding of the Global Summit on Eeducation*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Seli, S. (2015). Tema, Amanat dan kearifan Tempatan dalam Cerita Ne'Baruakng Kulup Sastra Lisan Dayak Kanayaktn." dalam Rahimah A. Hamid (ed.), *Kearifan Tempatan dari Lisan Ke Aksara dan media*. Pulau Pinang: penerbit USM.
- Sintang, S. (2003). Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Usuluddin*.
- Sulaiman, F.R. (2015). *Atmosfera Bumi dan Tindak Balas Kimia Pencemaran Udara*. UITM, Pahang.
- Unayah, N., & Subariman, M.(2016). *Identifikasi Kearifan Lokal dalam pemberdayaan Komunitas Adat Terpencil*. Penerbit Akatiga: Bandung.

Weiss, R. S. (1995). *Learning From Strangers: The Art and Method of Qualitative*. The Free Press. United Kingdom.

Yusri & Ramli, M.A. (2020). Pentakrifan Kearifan Tempatan: Suatu Sorotan. *Jurnal Melayu*.

Wawancara

En. Kabius Muji. 51 Tahun. Petani Sawah Padi. Kampung Mogong, Tambunan.

Puan Rohana. 46 Tahun. Pembantu Pengurusan Murid. Kampung Bolong, Tuaran

Puan Julie. 50 Tahun. Guru Sekolah Kebangsaan Lohan. Kampung Lohan, Ranau.

En. Jasrin. 48 Tahun. Guru Sekolah Kebangsaan Likas. Taman Likas, Kota Kinabalu.

Puan Elin. 50 Tahun. Pengusaha Kedai. Kampung Rambai, Tamparuli.